

**TAHAP KEPIMPINAN PENGETUA SEBAGAI AGEN
PERUBAHAN DALAM KONTEKS INOVASI
KOMPUTER DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN**



ROHANI BT RAMLI @ ABDULLAH

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

2006

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Tahap Kepimpinan Pengetua Sebagai Agen Perubahan Dalam Konteks Inovasi Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2004 – 2006

Saya, ROHANI BT. RAMLI @ ABDULLAH mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD


Disahkan oleh



(Penulis: **ROHANI BT. RAMLI @ ABDULLAH**)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap :



(DR. SABARIAH SHARIFF)

Tarikh : 10 Mei 2006

Tarikh : 25/5/06

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan :

Nama :

ROHANI BT. RAMLI @ ABDULLAH

No. Matrik :

PS03-006(K)-117

Tarikh :

15 Disember 2005

PENGESAHAN

Disertasi bertajuk "Tahap Kepimpinan Pengetua Sebagai Agen Perubahan Dalam Konteks Inovasi Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran" disediakan oleh Rohani bt. Ramli @ Abdullah bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan


(Dr. SABARIAH SHARIFF)

Penyelia Disertasi

Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial

Universiti Malaysia Sabah

Tarikh :

25 / 5 / 06

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan seluruh alam. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi yang telah memberi peluang untuk saya menyiapkan disertasi ini.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr. Sabariah Shariff yang banyak memberi tunjuk ajar, teguran, nasihat dan bimbingan sehingga siapnya tugas ini. Begitu juga kepada Prof. Madya Dr. Salleh bin Abd. Rashid yang sudi membantu dan memberi bimbingan di peringkat pembinaan instrumen kajian.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Puan Mercy Matthew, Encik John Sarat, Puan Nancy Yong, Puan Paridah Ahmad, Encik Tan Ak Mong dan Encik Afendi Ariffin kerana sudi memberikan kerjasama sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung sehingga selesainya disertasi ini.

Kepada pengetua-pengetua dan rakan-rakan guru di sekolah-sekolah sekitar Kota Kinabalu yang terlibat dalam kajian rintis dan kajian sebenar, hanya ucapan terima kasih dapat diucapkan.

Buat suami tercinta dan anak-anak tersayang, pengorbanan dan dorongan kalian akan dikenang sepanjang hayat. Kejayaan ini adalah milik kita bersama.

Akhir sekali, segala kerjasama, bimbingan, pertolongan dan dorongan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak amat bermakna untuk diri saya. Segala jasa baik dan ketulusan anda sekalian akan tetap dikenang hingga ke akhir hayat. Hanya Allah SWT dapat membalasnya.

Sekian. Terima kasih.

ABSTRAK

TAHAP KEPIMPINAN PENGETUA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN DALAM KONTEKS MENJAYAKAN INOVASI KOMPUTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan meninjau tahap amalan kepimpinan pengetua sebagai agen perubahan untuk menjayakan inovasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan ciri-ciri Kepimpinan Transformasi iaitu karismatik, berupaya merangsang intelektual, bertimbang rasa secara individu dan berupaya membangkitkan inspirasi. Tinjauan terhadap faktor guru dari segi kecekapan, sikap, dan keyakinan bersabit penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran turut dijalankan sebagai fokus sampingan bagi mendapatkan gambaran tentang kesediaan guru-guru untuk menerima perubahan. Kajian ini melibatkan 84 orang guru lelaki dan 93 orang guru perempuan dari enam buah sekolah menengah harian di Kota Kinabalu. Dapatan kajian dianalisa secara deskriptif manakala Ujian-t serta korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis. Kajian mendapati bahawa tahap amalan kepimpinan pengetua yang dinilai menggunakan skala Penarafan Pengetua oleh Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan berada pada tahap 'C' atau 'Baik'. Berdasarkan elemen-elemen Kepimpinan Transformasi, elemen 'merangsang intelektual' mencatatkan min pada tahap tinggi terutama dalam aspek galakan budaya kerja berpasukan dan penglibatan guru-guru dalam proses membuat keputusan. Elemen 'karismatik' dan 'membangkitkan inspirasi' mencatatkan min pada tahap sederhana tinggi manakala elemen 'bertimbang rasa secara individu' mencatatkan min pada paras sederhana rendah. Aspek latihan dan pemantauan merupakan antara perkara yang kurang diberi perhatian oleh pengetua. Perubahan pendekatan kepimpinan pengetua mungkin perlu dilakukan kerana dapatan daripada aspek guru menunjukkan bahawa secara keseluruhannya guru-guru mempunyai asas pengetahuan dalam bidang komputer dan bersikap sangat positif terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, guru-guru masih kurang berkeyakinan untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Untuk itu, usaha untuk membina keyakinan guru-guru terutama dari segi kemahiran perlulah dilaksanakan agar hasrat untuk melahirkan masyarakat guru dan pelajar yang mempunyai ketrampilan untuk mengguna, menyaring, dan mengadun teknologi pendidikan ini dapat direalisasikan dan pelaburan yang telah dicurahkan tidak sia-sia sahaja.

ABSTRACT

The Principal's leadership level as an agent of change in the context of realising the innovation of the computer as a tool of teaching and learning.

This descriptive research aims to look at the principal's leadership practice as an agent of change in the context of realising the innovation of the computer as a teaching and learning tool based on Transformation Leadership elements, which are charismatic, the ability to enhance intellectuality, individual tolerance and the ability to inspire. This research also looks into factors from teachers' efficiency, attitude and confidence in the use of computer in teaching and learning to get a better view on teachers' ability to accept change. This research involves 84 male teachers and 93 female teachers from 6 secondary daily schools in Kota Kinabalu. Research data is then analysed descriptively while the T-tests and Pearson correlation are used to test the hypothesis. The research thus finds that the level of the principal's leadership practice assessed using Principal's Level Scale by the National Senior Principal Council is at level 'C' or 'Good'. Based on Transformation Leadership elements, the element of 'enhancement of intellectuality' records a min on the high level, especially in the aspect of team work encouragement and teachers' involvement in decision making. The elements of 'charismatic' and 'the ability to inspire' record a min at the high average level while the element of 'individual tolerance' records a min at the low average level. Supervision and practice aspects are the two things which get the least attention from the principal. Principal's leadership change in approach is required because the data gathered from teachers' shows that in general, all teachers have the basic knowledge in the use of the computer and are very positive in using the computer in their teaching and learning process. Nevertheless, teachers are still not confident enough to really use the computer in the teaching and learning process. Thus, the effort to build teachers' confidence needs to be carried out so our dream to have the society of teachers and students who are able to maximise and utilise this education technology can be realised and the investment would not go to waste.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii

BAB 1	PENGENALAN	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	2
1.3	Pernyataan masalah	3
1.4	Objektif kajian	8
	1.4.1 Objektif Utama	10
	1.4.2 Objektif Sampingan	10
1.5	Persoalan kajian	11
	1.5.1 Persoalan Utama	11
	1.5.2 Persoalan Sampingan	11
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kepentingan kajian	13
1.8	Batasan kajian	15
1.9	Definisi operasional	16
	1.9.1 Kepimpinan	16
	1.9.2 Pengetua	16
	1.9.3 Komputer	17
	1.9.4 Penggunaan	17
	1.9.5 Perubahan	17
	1.9.6 Pengajaran Berbantuan Komputer	18
	1.9.7 Sikap	18
	1.9.8 Karismatik	19
	1.9.9 Merangsang Intelektual	19
	1.9.10 Membangkitkan Inspirasi	20
1.10	Kesimpulan	20

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Definisi konsep	22
2.2.1	Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer Sebagai Satu Inovasi	22
2.2.2	Kepimpinan	24
2.2.3	Agen Perubahan	25
2.2.4	Pengetua Sebagai Agen Perubahan	27
2.2.5	Sikap	28
2.3	Teori Perubahan – Teori Bidang Daya Penggerak	30
2.4	Model Perubahan – Model Perkembangan dan Perubahan Terancang	32
2.5	Matriks Mengurus Perubahan	36
2.6	Peranan Pengetua Dalam Menangani Perubahan	38
2.7	Ciri-ciri Utama Yang Perlu Dimiliki Oleh Pengetua Sebagai Agen Perubahan	41
2.8	Perkara-perkara Yang Mesti Diketahui Oleh Pengetua Sebagai Agen Perubahan	45
2.9	Kepimpinan Transformasi	46
2.9.1	Ciri-ciri Kepimpinan Transformasi	48
	i. Karismatik	50
	ii. Berupaya mencetuskan Inspirasi	51
	iii. Berupaya merangsang intelektual	52
	iv. Bertimbangrasa secara individu	
2.10	Kajian-kajian Lalu	
2.10.1	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	54
	i. Sikap Guru	55
	a. Sikap Positif	55
	b. Sikap Negatif	56
	ii. Faktor Kesedaran	57
	iii. Faktor Sokongan Rakan	58
	iv. Faktor Kemahiran dan Keyakinan	59
	v. Faktor Latihan	61
2.10.2	Kajian Berkaitan Kepimpinan Transformasi	63
2.10.3	Kajian Tentang Peranan Pengetua Dalam Pelaksanaan Inovasi Komputer	66
2.11	Kerangka Teoritikal Kajian	68
2.12	Kesimpulan	74

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	76
3.2	Pendekatan kajian	76
3.3	Kawasan kajian	77
3.4	Kaedah kajian	77
	3.4.1 Responden kajian	77
	i. Ciri-ciri responden	77
	ii. Penetapan bilangan responden	78
3.5	Instrumen kajian	80
3.6	Kajian rintis	85
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	86
3.8	Prosedur Pengukuran Data	87
3.9	Penganalisaan Data	90
	3.9.1 Ujian-t	90
	3.9.2 Ujian Korelasi	90
3.10	Aras Signifikan	91
3.11	Kesimpulan	91

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	92
4.2	Penarafan Kepimpinan Pengetua	92
4.3	Tahap Amalan Kepimpinan Pengetua Selaku Agen Perubahan Dalam Konteks Menjayakan Inovasi Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Elemen-elemen Kepimpinan Transformasi	93
	i. Elemen Karismatik	93
	ii. Elemen Merangsang Intelektual	95
	iii. Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu	98
	iv. Elemen Membangkitkan Inspirasi	100
4.4	Dapatan Aspek Guru	102
	4.4.1 Kecekapan Guru Menggunakan Komputer	102
	4.4.2 Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	103
	4.4.3 Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina	104
	4.4.4 Keyakinan Guru Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	105
	4.4.5 Tahap Keyakinan Guru Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Faktor Jantina	106
	4.4.6 Hubungan Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Keyakinan Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	107
4.5	Analisa Keseluruhan Dapatan Kajian	108
4.6	Kesimpulan	111

BAB 5**PERBINCANGAN**

5.1	Pendahuluan	113
5.2	Ringkasan Pendekatan Kajian	113
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	115
5.3.1	Penarafan Kepimpinan Pengetua Sebagai Agen Perubahan Ke Arah Inovasi Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	115
5.3.2	Tahap Amalan Kepimpinan Pengetua Selaku Agen Perubahan Dalam Konteks Menjayakan Inovasi Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Kepada Elemen-elemen Kepimpinan Transformasi	116
5.3.2.1	Elemen Karismatik	116
5.3.2.2	Elemen Merangsang Intelektual	117
5.3.2.3	Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu	120
5.3.2.4	Elemen Membangkitkan Inspirasi	126
5.3.3	Dapatan Aspek Guru	128
5.3.3.1	Kecekapan Menggunakan Komputer	128
5.3.3.2	Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	128
5.3.3.3	Keyakinan Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	130
5.3.4	Rumusan Dapatan Kajian	132
5.4	Cadangan Untuk Menjayakan Inovasi Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	134
5.4.1	Pengetua	134
5.4.2	Guru	138
5.4.3	Pihak Jabatan Pelajaran	139
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	140
5.6	Kesimpulan	141

RUJUKAN

143

LAMPIRAN

- A : Borang soal Selidik
- B : Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah, Maktab Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.
- C : Kebenaran untuk Menjalankan Kajian Penyelidikan di Sekolah Menengah Daerah Kota Kinabalu.
- D : Jadual Penentuan Sampel
- E : Senarai Panel Pengesahan Validiti Instrumen Kajian
- F : Analisa Realibiliti – Skala Alpha
- G : Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Elemen Karismatik
- H : Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Elemen Berupaya Merangsang Intelektual
- I : Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu
- J : Kepimpinan Pengetua Berdasarkan Elemen Membangkitkan Inspirasi
- K : Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- L : Keyakinan Guru Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- M : Ujian-t : Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina
- N : Ujian-t : Keyakinan Guru Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran
- O : Ujian Korelasi Pearson : Hubungan Antara Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran dengan Keyakinan Guru Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1.1 Tahap Penggunaan Komputer Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah	6
1.2 Tahap Penggunaan Komputer Dalam Kalangan Pensyarah	6
2.1 Matriks Mengurus Perubahan	38
2.2 Kemahiran Kepimpinan Berpusatkan Manusia	70
3.1 Bilangan Guru di Sekolah-sekolah Kajian	78
3.2 Pengurusan Borang Soal Selidik	79
3.3 Taburan Soal Selidik	84
3.4 Ujian Alpha Cronbach	86
3.5 Interpretasi Skor Min Untuk Amalan Kepimpinan Pengetua, Sikap dan Keyakinan Guru	88
3.6 Tatacara Pengiraan Skor Tahap Amalan Kepimpinan Pengetua	89
3.7 Interpretasi Skor Keseluruhan Untuk Tahap Amalan Kepimpinan Pengetua Sebagai Agen Perubahan ke Arah Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	90
3.8 Interpretasi Pekali Pearson	91
4.1 Penarafan Kepimpinan Pengetua Sebagai Agen Perubahan Dalam Konteks Inovasi Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	93
4.2 Elemen Karismatik Berdasarkan Skor Min	95
4.3 Elemen Merangsang Intelektual Berdasarkan Skor Min	97
4.4 Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu Berdasarkan Skor Min	99
4.5 Elemen Membangkitkan Inspirasi Berdasarkan Skor Min	101
4.6 Tahap Kecekapan Guru Menggunakan Komputer	103
4.7 Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	105
4.8 Tahap Keyakinan Guru Untuk Menggunakan Komputer Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	107
4.9 Analisa Keseluruhan Dapatan Untuk Objektif Utama Kajian	109
4.10 Analisa Keseluruhan Dapatan Untuk Objektif Sampingan Kajian	110

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Kitaran Pembangunan Staf Berpusatkan Sekolah	35
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	73
4.1	Elemen Merangsang Intelektual Berdasarkan Kekerapan	97
4.2	Elemen Bertimbang Rasa Secara Individu Berdasarkan Kekerapan	100
4.3	Elemen Membangkitkan Inspirasi Berdasarkan Kekerapan	102



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab pengenalan ini akan menjelaskan tentang latar belakang kajian yang menjurus kepada keperluan untuk melakukan perubahan dalam bidang pendidikan selaras dengan tuntutan Wawasan 2020 dan agenda Teknologi Maklumat negara. Turut diutarakan ialah permasalahan kajian yang berkait dengan kurangnya tahap amalan pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer dalam kalangan guru-guru dan keperluan untuk penglibatan pengetua sebagai agen perubahan. Selain itu, objektif dan persoalan kajian dibincangkan dengan fokus utama kepada amalan kepimpinan pengetua yang didasari oleh gaya Kepimpinan Transformasi. Aspek kesediaan guru-guru yang melibatkan tahap kecekapan menggunakan komputer, sikap terhadap penggunaan komputer dan keyakinan untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran turut ditinjau sebagai fokus sampingan untuk mendapatkan gambaran mentaliti guru-guru di kawasan kajian terhadap inovasi penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiga hipotesis turut dibina untuk mengenal pasti perkaitan antara pembolehubah melibatkan aspek guru. Kepentingan kajian turut disentuh dengan mengambil kira kepentingannya kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menggalakkan penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran yang bersifat bestari. Akhir sekali, beberapa istilah diberikan tafsirannya merujuk kepada maksud yang diguna pakai di sepanjang kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Setiap organisasi boleh direka bentuk supaya secocok dengan persekitaran tempat organisasi itu beroperasi. Sekalipun rekabentuk sesebuah organisasi itu bersesuaian untuk persekitarannya pada sesuatu masa, namun pemimpin mestilah menjangka perubahan-perubahan dalam persekitarannya yang akan memerlukan pelarasan dalam rekabentuk organisasi dibuat pada masa hadapan.

Perubahan tidak dapat dielakkan dalam sesebuah organisasi termasuk sekolah. Hal ini kerana persekitaran yang turut berubah. Oleh itu, jika kita hendak terus hidup dan berfungsi kita tidak boleh lari daripada melakukan perubahan. Keadaan ini seperti memetik kata-kata Charles Handy (Hussien Mahmood, 1993)

"If you put a frog in water and slowly heat it, the frog will eventually let itself be boiled to death. We to, will not survive if we don't respond to the radical way in which the world is changing".

Kini, di bawah agenda Teknologi Maklumat negara, akan sampai masanya untuk kita beralih menjadi pengguna komputer yang serius, dan akan terlibat secara langsung dalam perubahan secara besar-besaran dalam rutin harian kita. Sehubungan itu, dalam bidang pendidikan, kita tidak akan melihat lagi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru di dalam bilik darjah, sebaliknya berpusatkan pelajar. Satu daripada perenggan dalam dokumen Wawasan 2020 mencatatkan bahawa :

".....The Malaysian society must be information rich. It can be no accident that there is today no wealthy, developed country that is information-poor and no information-rich country that is poor and undeveloped. Computer literacy is a must if we to progress and develop. No effort must be spared in the creation of information rich Malaysian society" (Malaysia – The Way Forward (para 79-80, 1991).

Christensen (1997) pula menarik perhatian kita tentang peningkatan kegunaan teknologi untuk menggantikan pekerjaan kemahiran rendah dalam pelbagai bidang dan keadaan. Beliau turut menegaskan betapa pentingnya sistem pendidikan di seluruh dunia berubah untuk menangani cabaran ni. Menurut beliau :

"School systems world-wide still struggle to respond effectively to this challenge. They clutch obstinately to an industrially-based education model: teacher-centered training suitable for passive learners. Designed to prepare student for the very industries that are already disappearing from the world economy, these systems continue to lurch forward, zombie-like, unaware for the most part that they have already died. Already global realities require an information-based: learner-centered education producing active learners."

Berdasarkan senario di atas, sekolah yang merupakan tempat berlangsungnya proses sosialisasi pelajar sebelum melangkah ke alam dewasa dan pekerjaan sudah tidak ada pilihan lagi kecuali melakukan anjakan paradigma dan berusaha melengkapkan diri dengan ketrampilan untuk mengguna, menyaring, dan mengadun teknologi pendidikan ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Usaha dan kesungguhan kerajaan untuk memajukan penggunaan komputer dalam pendidikan memang tidak dapat disangkal. Laporan Ekonomi dan Belanjawan 2004 sahaja mencatatkan bahawa sejumlah RM637 juta disediakan untuk projek pengkomputeran sekolah. Dalam satu kenyataan akhbar, Menteri Pelajaran Malaysia memaklumkan bahawa setakat ini, 4,500 buah sekolah telah mempunyai makmal komputer, dengan kira-kira 99,000 unit komputer dan 4,600 unit pelayan. Tambah beliau lagi, sejumlah 8,120 sekolah telah dihubungkan dengan kemudahan jalur lebar School Net dan semua sekolah dilengkapi dengan 14,000 unit televisyen. Sekolah-sekolah juga telah dibekalkan dengan 97,000

unit komputer riba dan 70,000 unit projektor paparan kristal cecair (LCD). Dari segi perisian dan kandungannya, terdapat lebih daripada 2,000 judul perisian di sekolah-sekolah meliputi pembelajaran dan pengajaran, manakala 200,000 guru di sekolah-sekolah awam telah mencapai tahap lanjutan dalam latihan komputer (Utusan Malaysia 7/5/2005).

Sebagai satu usaha yang dirancang untuk memperbaiki kaedah pengajaran guru dan seterusnya meningkatkan hasil pembelajaran pelajar, penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dianggap sebagai satu perubahan, atau lebih khusus lagi satu inovasi dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana usaha ini melibatkan banyak perubahan yang perlu dibuat oleh semua pihak yang berkenaan, khasnya para guru yang akan melaksanakan perubahan tersebut. Menurut Zulkifli dan Raja Maznah (1994), usaha untuk memperkenalkan penggunaan komputer ke dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah membayangkan perubahan yang dramatik dalam kalangan guru-guru.

Persoalan yang sering ditimbulkan oleh pelbagai pihak termasuklah apakah sikap guru terhadap isu ini, apakah guru-guru bersedia untuk menerima perubahan ini, dan seumpamanya. Banyak kajian telah dijalankan dengan tujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berkenaan. Rata-rata hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru bersikap cukup positif untuk menerima kehadiran teknologi komputer sebagai alat bantu mengajar. Walau bagaimanapun, dari segi amalan di dalam bilik darjah, keadaan mungkin sebaliknya.

Sebagai contoh, kajian oleh Ashinida Aladdin dan rakan-rakannya terhadap 40 orang guru bahasa Arab dari tiga buah sekolah agama berasrama penuh ternama, mendapati 100 peratus responden menyatakan bahawa mereka percaya yang penggunaan komputer membantu meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar mereka dan 100 peratus juga

percaya kaedah tersebut dapat meningkatkan mutu pengajaran mereka manakala 90 peratus menyatakan bahawa komputer membantu dalam menjimatkan masa dan tenaga serta memudahkan pengajaran dan pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, dari segi amalan di dalam bilik darjah, dapatan kajian mereka menunjukkan keadaan yang amat berbeza sekali. Hanya 10 orang atau 25 peratus sahaja yang mengamalkannya.

Dapatan kajian-kajian terdahulu seperti yang dijalankan di Amerika Syarikat pada tahun 1987 dan 1992 juga telah menunjukkan bahawa penggunaan media komputer masih menjadi suatu matlamat yang ilusi bagi kebanyakan guru di negara tersebut. Morton (1996) telah merumuskan fenomena tersebut sebagai "*while the real world uses computers to move forward, educators too often studiously backward*" sehingga menjadikan penggunaan komputer dalam pengajaran tertinggal di belakang. Morton juga mendapati bahawa walaupun kerajaan dan pihak swasta memberi dorongan yang kuat terhadap penggunaan komputer tetapi tidak terdapat bukti yang menunjukkan penerimaan yang kuat dalam kalangan guru-guru sendiri (dalam Raymie A. Bakar, 2004).

Keengganan guru-guru untuk menggunakan komputer di dalam bilik darjah telah dilaporkan dalam banyak kajian termasuklah kajian oleh Gbomita (1997) dan Nuraihan Mat Daud (2000). Mereka turut mendapati bahawa kehadiran guru-guru sumber teknologi di sekolah-sekolah hanya dapat membantu meningkatkan keyakinan guru-guru terhadap kemahiran dan penggunaan komputer di rumah sendiri tetapi tidak dapat membantu meningkatkan penggunaan komputer di dalam bilik darjah.

Kaji selidik oleh Norizan dan Salehuddin (dalam Supyan Hussein dan Nooreiny Maarof, 1998) tentang penggunaan komputer dalam kalangan guru-guru sekolah sebagaimana yang digambarkan dalam Jadual 1.1 mungkin boleh memberikan penjelasan kepada realiti yang berlaku di sekolah-sekolah.

Jadual 1.1 : Tahap Penggunaan Komputer dalam Kalangan Guru- guru Sekolah

Peratus (%)	Tujuan Penggunaan
69.4	Penyediaan dokumen, kertas soalan, kuiz dan laporan.
24.0	Penyediaan rekod dan data.
19.4	Hiburan
2.3	Berkomunikasi melalui mel-elektrik (e-mail)
0.5	Pengajaran dan pembelajaran

Sumber : Dipetik dari Supyan Hussain dan Nooreiny Maarof (1998)

Senario yang hampir sama juga dicatat oleh Abang Ahmad Ridzuan dan rakan-rakannya dalam kajian mereka untuk mengenal pasti tahap penggunaan komputer dan sikap terhadap komputer dalam kalangan pensyarah maktab perguruan. Kajian mereka melibatkan 224 orang pensyarah dari tiga buah maktab perguruan di Johor. Hasil kajian mereka adalah seperti yang tertera dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Tahap Penggunaan Komputer Dalam Kalangan Pensyarah

Tahap Penggunaan	Tujuan Penggunaan
Kerap	Penyediaan dan penggubalan soalan peperiksaan
Sederhana	Mengendalikan kursus
Jarang	Pengajaran dan pembelajaran

Sumber : Abang Ahmad Ridzuan et al. (Dalam talian: <http://www.penerbit.utm.my/jurnal/35sirie3.htm>)

Sekali lagi, timbul persoalan. Mengapakah keadaan ini berlaku? Mengapa tahap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru masih rendah sedangkan begitu banyak masa, tenaga dan wang telah dilaburkan? Permasalahan ini juga telah berjaya menarik perhatian ramai pengkaji untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan teknologi tersebut dalam pengajaran guru-guru. Hasil tinjauan di United Kingdom mendapati bahawa, 81 peratus responden mengatakan "*more commitment*" oleh pengetua sebagai komponen paling penting dalam menentukan kejayaan sesuatu projek inovasi (Melissa & Sajit, 2001). Pakar-pakar pendidikan sependapat bahawa kejayaan atau kegagalan integrasi teknologi boleh dikaitkan dengan perlakuan dan ideologi pengetua. Pengetua yang aktif menyokong sesuatu projek inovasi akan sedar tentang masalah yang menghalang pelaksanaan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah yang timbul. Kunci utama keberkesanan penggunaan teknologi moden dalam pendidikan ialah pemimpin sekolah iaitulah pengetua yang berperanan sebagai pemula, perancang, penggerak, perangsang dan sebagainya ke arah aplikasi komputer yang berkesan dalam kalangan guru-guru. Dengan kata lain, para pemimpin di sekolah perlu bertindak sebagai 'agen' kepada perubahan yang diharapkan ini.

Seandainya kita mengharapkan inovasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi suatu realiti, peranan pengetua sebagai agen perubahan merupakan faktor yang sangat penting. Jika tidak, mungkin kita akan melihat inovasi ini senasib dengan reformasi program pendidikan melalui pelaksanaan KBSR dan KBSM yang dikatakan lebih merupakan usaha kemajuan yang melalui proses birokratik dan bersifat hierarki. Purkey dan Smith (1983) mengatakan bahawa perubahan secara birokratik berkemungkinan tidak memberi kesan yang produktif dari segi iklim dan budaya sekolah. Beliau menambah "*....most*

successful school change effort will be messier and more idiosyncratic than systematic". Dalam hubungan ini, banyak cubaan bagi melaksanakan inovasi pendidikan yang datang daripada pihak luar sekolah mengalami kegagalan dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Hussein Mahmood (1993) menyimpulkan bahawa keadaan ini adalah disebabkan kurang sokongan aktif daripada pihak pengetua.

Berdasarkan kepada situasi dan saranan-saranan di atas maka kajian ini dijalankan dengan tumpuan untuk meninjau tahap amalan kepimpinan pengetua dalam melaksanakan peranan mereka selaku agen perubahan untuk memangkin proses perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru-guru daripada kaedah tradisional kepada kaedah yang berteraskan teknologi.

1.4 Objektif Kajian

Daripada tinjauan literatur yang dibuat, tidak banyak penyelidik melihat isu ini dari sudut peranan pengetua dalam menjayakan usaha-usaha untuk mengintegrasikan komputer di sekolah. Pendapat yang sama turut diutarakan oleh Wilmore (2000). Beliau mendapati bahawa tumpuan kebanyakan pihak adalah lebih kepada penggunaan komputer di sekolah-sekolah, bukannya kepada peranan pengetua. Beliau juga mengatakan bahawa kajian-kajian tentang peranan pengetua dan implementasi intergrasi komputer di sekolah-sekolah adalah terhad. Ekoran itu, beliau telah menyarankan bahawa terdapat keperluan yang mendesak untuk menjalankan kajian yang mendalam dengan tumpuan kepada peranan pengetua-pengetua untuk memperkenalkan inovasi yang hebat ini di sekolah masing-masing.

Pada pendapat pengkaji, tumpuan yang keterlaluan terhadap guru yang dilihat sebagai penentu jaya gagalnya amalan ini mungkin perlu diberi pertimbangan sewajarnya. Tumpuan kepada guru secara individu hanya akan

menghasilkan satu senario yang bersifat 'terpisah-pisah' memandangkan guru-guru sendiri merupakan unit-unit kecil dalam sesebuah organisasi sekolah dan tertakluk kepada budi bicara serta kehendak pihak atasan mereka iaitu, pengetua.

Ekoran daripada keadaan di atas, kajian ini dibuat dengan tumpuan utama adalah kepada amalan kepimpinan pengetua dalam menjalankan peranan mereka sebagai agen perubahan dalam memangkin inovasi penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, aspek kesediaan guru-guru untuk menerima inovasi ini turut ditinjau sebagai fokus sampingan. Di bawah aspek guru ini, terdapat tiga perkara yang ditinjau yang sedikit sebanyak menggambarkan tahap kesediaan guru-guru untuk menerima inovasi yang diperkatakan ini. Perkara-perkara tersebut merangkumi aspek tahap kecekapan mereka menggunakan komputer, sikap mereka terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, serta keyakinan mereka untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

Aspek kesediaan mental dan kemahiran dalam kalangan guru-guru turut ditinjau memandangkan mereka merupakan kelompok yang akan melaksanakan inovasi ini. Menurut Kearsley (1993), pencapaian objektif sesuatu program akan bergantung kepada guru sebagai pelaksana yang mempunyai kemahiran dan sikap yang positif. Gbomita (1997) pula mengatakan bahawa antara petunjuk kepada persediaan mental dalam kalangan anggota organisasi ialah mempunyai sikap positif terhadap agenda perubahan yang dicadangkan di samping memahami tujuan dan sebab-sebab di sebalik perubahan yang akan dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, objektif-objektif kajian ini ialah :

1.4.1 Objektif Utama

- i. Mengenal pasti tahap amalan kepimpinan pengetua sebagai agen perubahan ke arah inovasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Penarafan Pengetua oleh Majlis Pengetua Kanan Kebangsaan, 2005.
- ii. Mengenal pasti tahap amalan kepimpinan pengetua selaku agen perubahan berdasarkan elemen-elemen Kepimpinan Transformasi.

1.4.2 Objektif sampingan

- i. Mengenal pasti tahap kecekapan menggunakan komputer dalam kalangan guru-guru di kawasan kajian.
- ii. Mengenal pasti sikap guru-guru di kawasan kajian terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran antara guru-guru lelaki dan guru-guru perempuan.
- iv. Mengenal pasti tahap keyakinan guru-guru untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.
- v. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap keyakinan menggunakan komputer antara guru-guru lelaki dan guru-guru perempuan.
- vi. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara sikap terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dengan tahap keyakinan guru-guru untuk menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.